

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 APRIL 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Malaysia sasar tarik unicorn global dengan Unicorn Golden Pass – Rafizi

Malaysia sasar tarik *unicorn global* dengan *Unicorn Golden Pass – Rafizi*

KUALA LUMPUR - Malaysia menyasarkan untuk menarik *unicorn* (pemula niaga) *global* memasuki negara dengan *Unicorn Golden Pass* supaya pekerjaan berkemahiran dan bernilai tinggi dapat diwujudkan selain membangunkan saluran perhubungan usahawan masa depan dan pemimpin kanan dalam teknologi, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

"Melalui pelabur dan bakat yang sesuai di Malaysia, kita akan menjadikan Malaysia sebagai pangkalan Asia Tenggara bagi syarikat teknologi global, dengan *Unicorn Golden Pass*," katanya dalam ucapan pada Sidang Kemuncak KL20 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini pada Isnin.

Sehubungan itu, beliau berkata, Malaysia menawarkan pakej insentif termasuk pengecualian yuran untuk pas pengajian bagi pengurusan kanan, sewa bersubsidi, kadar cukai konsesi terhadap keuntungan korporat, perkhidmatan penempatan semula dan *concierge* syarikat pemula niaga yang menguruskan pendaftaran belakang tabir pada permulaan.

Beliau berkata, KL20 mewakili hasrat negara membawa Malaysia sebagai 20 ekosistem syarikat pemula niaga terbaik dunia dan konsep ini merupakan penekanan kepada pragmatisme serta tindakan.

Menurut Rafizi, KL20 menjangkau rancangan dan pelan tindakan, malah dilengkapi dengan tindakan yang bermula Isnin termasuk *VC Golden Pass*, *Innovation Pass*, *Unicorn Golden Pass*, *GPU Scheme*, *Innovation Belt* dan *Single Window*.

"Selain Kertas Analisis yang kami lancarkan hari ini (Isnin), kami akan memperkenalkan skim yang boleh digunakan serta-merta," jelasnya.

Pelan Tindakan KL20 menggariskan inisiatif baharu yang akan mempercepat bidang kritikal ekosistem syarikat pemula niaga iaitu modal, bakat dan kualiti syarikat pemula niaga.

"Matlamatnya adalah untuk Malaysia menjadi destinasi pilihan modal peringkat awal dan pertumbuhan; menjadi pusat usahawan bertaraf dunia dan bakat berkemahiran; dan sebagai lokasi bagi

syarikat pemula niaga terkemuka dunia yang ingin bermula, berkembang dan berskala," ujarnya.

Menerusi *VC Golden Pass*, beliau berkata, kerajaan mahu pemodal teroka terkemuka dunia dengan kecanggihan sumber teroka dan capaian global menjadikan Malaysia sebagai lokasi.

Katanya, menerusi *Innovation Pass*, kerajaan berusaha untuk meluaskan kumpulan bakat berkemahiran tinggi dalam negara dengan pengenalan program pas pekerjaan berbilang peringkat yang memberi manfaat yang disesuaikan kepada pengasas, pengurusan kanan, bakat berkemahiran tinggi dan bakat am dalam teknologi.

Mengenai *Startup Single Window*, Rafizi berkata, ia akan berperanan sebagai pusat sehati-menghati maklumat dan aplikasi bagi ekosistem syarikat pemula niaga.

"Penduduk tempatan kita yang pelbagai, digabungkan dengan kemudahan digital berkualiti tinggi dan kos berpatutan, menjadikan kita sebagai tapak uji yang ideal untuk pelancaran produk dan rintis," ujarnya. - *Bernama*